

Pengenalan kepada Sistem Vokal Bahasa Kedayan Varian Sibuti

Introduction to The Vocal System of Sibuti Kedayan Language

NABILAH SYAZWANI NORASMAN & REMMY GEDAT

ABSTRAK

Kaum Kedayan boleh ditemui di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Brunei. Di Sarawak, kaum ini merupakan kaum minoriti dan menetap di Limbang, Lawas, bahagian Sibuti di Miri dan sedikit di bahagian Bintulu. Bahasa Kedayan 80% berkognat dengan bahasa Melayu manakala 94% berkognat dengan bahasa Melayu Brunei. Namun demikian, bahasa ini mempunyai keunikannya yang tersendiri iaitu tiadanya penggunaan huruf 'r' dan hanya memiliki tiga vokal iaitu 'i', 'a', dan 'u' dalam kosa katanya. Makalah ini bertujuan untuk memperkenalkan sistem vokal bahasa Kedayan varian Sibuti (BKVS). Kaedah temu bual, pemerhatian dan catatan di lapangan digunakan dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan senarai kata Swadesh dan ditambah dengan penggunaan beberapa domain perkataan seperti nombor, kata ganti nama diri, haiwan, tumbuhan, dan benda. Kajian ini dijalankan di Sibuti dengan melibatkan 4 orang penutur asli dan penduduk tetap di kawasan tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat tiga fonem vokal, iaitu /i, a, u/; enam alofon, [i, ɪ, a, ɤ, u, ũ]; dua diftong, /aw, aj/; dan enam rangkap vokal, /ia, iu, ai, au, ui, ua/ dalam bahasa Kedayan Varian Sibuti. Perbezaan hasil kajian pengkaji dengan pengkaji yang lain disebabkan oleh faktor geografi dan pengaruh daripada bahasa lain. Terdapat penyisipan bunyi hentian glotis dalam fonem vokal. Pengkaji juga mendapati pengguguran fonem /r/ dalam BKVS menyebabkan berlakunya rangkap vokal dan kepanjangan vokal dalam BKVS.

Kata kunci: Kedayan; fonologi; vokal; varian Sibuti; Sarawak

ABSTRACT

The Kedayan can be found in Sabah, Sarawak, Labuan and Brunei. In Sarawak, Kedayans are the minority who live in Limbang, Lawas, Sibuti in Miri, and Bintulu. Kedayan language is 80% cognate with the Malay language and 94% cognate with the Brunei Malay language. The language is unique as it does not have 'r' and they only have three vowels, 'i', 'a' and 'u' in their vocabulary. This article is written to give an introductory to Sibuti Kedayan vocal system. Interview, observation and field notes were used in this research. A list of Swadesh and a few domain words like number, pronoun, animal, plant, and things were used. This research involved four native speakers who live in the area. The results show that there are three phoneme vowels, /i, a, u/; six allophones, [i, ɪ, a, ɤ, u, ũ]; two diphthongs, /aw, aj/; and six vocal duplications, /ia, iu, ai, au, ui, ua/ exist in the language. The difference in the result between the researcher and other researcher is because of the geographical factor and the influence of other languages. The absence of /r/ in the language caused vocal duplication and the lengthening of vocal in the language.

Keywords: Kedayan; phonology; vocal; Sibuti varian; Sarawak

PENGENALAN

Kaum Kedayan merupakan kaum minoriti di Sabah dan Sarawak. Jumlah penduduk Kedayan mengikut Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dibuat pada tahun 2000 adalah seramai 15,780 orang. Kaum Kedayan merupakan penganut agama Islam yang dipercayai telah terdedah dengan proses penyebaran Islam di Brunei pada akhir abad ke-15 (Harrison 1972). Kaum ini menetap di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Brunei. Kaum ini menetap di Lawas, Limbang, Miri,

bahagian Sibuti, dan sedikit di Bintulu, di Sarawak. Manakala di Sabah pula, kaum Kedayan menetap di Sipitang, Beaufort dan Kuala Penyu (Bibi Aminah Abdul Ghani, Nazaruddin Haji Hamit, Mawi Taip & Nong Nurnie Mohd Nistah 2011).

Menurut Benedict Sandin (1980: 142), kaum Kedayan ialah masyarakat yang mendiami bahagian dalam Brunei atau *up-country*. Mereka tinggal di sekitar tebing sungai di negara Brunei. Oleh itu, mereka digelar sebagai 'Bansa Brunei Darat'. Sejarah awal Kesultanan Brunei mencatatkan bahawa kaum Kedayan merupakan rakyat kepada

Sultan Brunei, (Benedict Sandin 1980: 142). Menurut Benedict Sandin (1980: 142), setelah Haji Abdul Gapor dikurniakan gelaran sebagai Penghulu kaum Kedayan, ramai orang Kedayan mengikut beliau berpindah ke daerah Sibuti. Migrasi ini berlaku kira-kira 90 tahun yang lalu.

Kaum Kedayan dirujuk sebagai ‘Melayu’ kerana daripada segi bahasa yang mereka tuturkan adalah hampir sama dengan dialek-dialek daripada bahasa Melayu. Amde Sidik (2007) menyatakan dialek Kedayan mempunyai persamaan dengan dialek Melayu Brunei dan penutur kedua-dua dialek tersebut saling memahami antara satu sama lain. Persamaan leksikal antara bahasa Kedayan (BK) dengan bahasa Melayu ialah 80% (Ethnologue 2006; Kamus Kedayan Melayu, Melayu-Kedayan 2006). Manakala kekerabatan antara bahasa Kedayan dengan bahasa Melayu Brunei adalah 94%. Walaupun kekerabatan kedua bahasa ini adalah dekat, namun bahasa Kedayan mempunyai keunikannya yang tersendiri iaitu tiadanya penggunaan huruf ‘r’ dalam bahasa Kedayan.

Selain itu, bahasa Kedayan juga unik kerana mempunyai tiga huruf vokal sahaja iaitu, huruf ‘i’, ‘a’, dan ‘u’. Awang Muhammad Jambol (1995) dan Normala Othman (2016) menyatakan dialek Kedayan mempunyai tiga fonem vokal panjang iaitu [i:], [a:], dan [u:]. Fonem-fonem ini terhasil apabila terdapat perkataan yang mengalami pengguguran ‘r’ berlaku. Contohnya kata ‘bara’ dalam bahasa Melayu menjadi /baa:/ dalam bahasa Kedayan, dan ‘rumah’ menjadi /umah/ dalam bahasa Kedayan. Asmah Haji Omar (2008) pula menyatakan rangkap vokal kerap hadir dalam bahasa Kedayan berbanding dialek-dialek lain kerana konsonan ‘r’ dalam bahasa Kedayan digugurkan dalam kata, khususnya di tengah kata, iaitu antara dua vokal yang berbeza. Contohnya ‘kaing’ = kering, ‘cui’ = curi, dan ‘miah’ = merah.

Hasil daripada bacaan kajian lepas, pengkaji mendapati kajian tentang bahasa Kedayan kurang dilakukan oleh pengkaji terdahulu terutamanya bahasa Kedayan yang terdapat di Sarawak. Masih banyak kawasan masyarakat Kedayan yang belum diterokai seperti di Sarawak. Penutur Kedayan di negeri Sarawak terdapat di Limbang, Lawas, bahagian Sibuti di Miri dan sedikit di bahagian Bintulu. Namun, kelompangan kajian terdahulu memberikan ruang kepada pengkaji baharu untuk meneroka dan mengisi kelompangan kajian lampau. Oleh itu, kajian dalam makalah ini tertumpu kepada bahasa Kedayan varian Sibuti (BK VS). Tujuan kajian

ini adalah untuk mendeskripsikan sistem bunyi vokal BK VS. Objektif kajian ini ialah untuk memaparkan penyebaran bunyi vokal, diftong serta rangkap vokal BK VS. Hal ini demikian kerana, bunyi vokal BK VS berbeza sedikit daripada varian bahasa Kedayan yang lain.

METODOLOGI

Pengkaji menjalankan kajian di daerah kecil Sibuti, di Miri, Sarawak. Daerah kecil Sibuti merupakan salah satu sub-daerah dalam daerah Subis. Daerah Subis mempunyai dua buah daerah kecil, iaitu daerah kecil Sibuti dan daerah kecil Niah yang masing-masing mempunyai pentadbirannya yang sendiri. Peta 1 menunjukkan kawasan Daerah Subis.



Sumber: dipetik dari <https://goo.gl/images/MbtwvU>

Metodologi kajian meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mendapatkan data bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Penyelidikan kualitatif adalah dalam bentuk temu bual, pemerhatian, analisis dokumen; dan catatan lapangan yang merupakan bukti yang sah dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual, rakaman dan catatan lapangan dalam menjalankan kajian ini.

Kaedah temu bual digunakan dalam kajian ini kerana ia sesuai dengan kajian pengkaji yang mengkaji bunyi bahasa dan memerlukan transkripsi. Temu bual telah dijalankan secara santai namun berstruktur kerana pengkaji menggunakan kaedah senarai kata bagi mendapatkan data kajian. Pengkaji menggunakan senarai kata Swadesh dan ditambah dengan penggunaan beberapa domain perkataan seperti nombor, kata ganti nama diri, haiwan, tumbuhan, dan benda. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah menjelaskan

tujuan kajian dan meminta kebenaran daripada informan untuk merakamkan temu bual yang dijalankan. Semasa rakaman dijalankan, pengkaji meminta informan untuk memperkenalkan diri dan menyatakan persetujuan rakaman untuk dijadikan bukti. Selepas itu, pengkaji akan mula menanyakan satu demi satu perkataan dalam bahasa Melayu dan informan akan menjawabnya dalam bahasa masing-masing.

Temu bual telah dijalankan di rumah informan dan tempat kerja informan. Tempat kerja informan merupakan sebuah pejabat ruang persendirian yang sunyi dan tiada gangguan bunyi. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini di rumah informan dan tempat kerja informan kerana suasananya yang selesa bagi informan dan informan juga dapat mengadaptasikan diri mereka sendiri dengan cepat dengan suasana tersebut. Alat perakam digunakan untuk merekodkan temu bual yang dijalankan.

Kajian ini melibatkan tiga orang informan yang berasal dari daerah kecil Sibuti di Miri, Sarawak. Dua orang informan lelaki dan seorang informan perempuan telah dipilih dalam kajian ini. Pengkaji memilih informan bersandarkan faktor-faktor yang diguna pakai oleh Asmah Haji Omar (2008) dalam kajian beliau. Ketiga-tiga informan tersebut merupakan penduduk asli atau tetap yang menetap di daerah kecil Sibuti, Miri. Kesemua informan berusia antara 40 hingga 60 tahun. Pengkaji juga memilih ketiga-tiga informan tersebut kerana mereka mempunyai alat artikulasi yang baik serta mempunyai alat pendengaran yang baik. Selain itu, ketiga-tiga informan tersebut fasih dalam menuturkan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Kedayan dalam kegiatan seharian mereka.


ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pengkaji akan memaparkan fonem vokal, alofon, distribusi bunyi, beban tugas, diftong dan rangkap vokal dalam bahagian ini.

FONEM VOKAL BK VS

Berdasarkan data kajian, pengkaji mendapati BK VS hanya mempunyai vokal kardinal. Vokal kardinal menurut Danial Jones (1956) ialah vokal yang artikulasinya tetap pada posisi tertentu daripada segi kedudukan lidah dan bentuk bibir. Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat tiga

bunyi vokal dalam BK VS iaitu, /i/, /a/, dan /u/. Rajah 2 menunjukkan gambaran kedudukan bunyi vokal dalam BK VS.



RAJAH 2. Kedudukan bunyi vokal bahasa Kedayan varian Sibuti

Berdasarkan rajah 2, ciri-ciri bunyi vokal /i/ adalah depan, tinggi dan hampar. Bunyi vokal /i/ dibunyikan sebagai [i]. Ciri-ciri bunyi vokal /a/ adalah tengah, rendah dan hampar dan dibunyikan sebagai [a]. Ciri-ciri bunyi vokal /u/ pula adalah belakang, tinggi dan bundar. Bunyi vokal /u/ dibunyikan sebagai [u].

Lutfi Abas (1985) menyatakan fonem adalah bentuk linguistik yang terkecil yang membezakan makna. Kaedah pasangan terkecil atau *minimal pairs*, kaedah pasangan minimal terdekat, kaedah penyebaran saling melengkapi, dan variasi bebas merupakan kaedah-kaedah yang digunakan untuk menentukan taraf sesuatu fonem. Berikut merupakan huraian fonem BK VS menggunakan kaedah pasangan terkecil dan kaedah pasangan minima terdekat.

Fonem /i/ dan /a/

Fonem /i/ dan /a/ merupakan dua bunyi yang berbeza kerana menunjukkan perbezaan makna dalam pasangan terkecil dan pasangan minima terdekat berikut:

- | | |
|--------------------|--------------------|
| i) [iŋga] = bising | ii) [iŋât] = ingat |
| [aŋga] = miang | [aŋît] = nyamuk |

Fonem /i/ dan /u/

Fonem /i/ dan /u/ merupakan dua bunyi yang berbeza kerana menunjukkan perbezaan makna dalam pasangan terkecil berikut:

- | | |
|---------------------|---------------------|
| i) [laki?] = lelaki | ii) [milih] = pilih |
| [laku?] = laris | [mulih] = balik |

Fonem /a/ dan /u/

Fonem /i/ dan /u/ merupakan dua bunyi yang berbeza kerana menunjukkan perbezaan makna dalam pasangan terkecil berikut:

- | | |
|----------------------------|-------------------|
| i) [paŋguŋ] = bantal peluk | ii) [kaja] = kaya |
| [puŋguŋ] = pinggang | [kaju] = kayu |

Daripada contoh di atas, pengkaji mendapati fonem /i/, /a/ dan /u/ merupakan fonem yang tersendiri kerana dapat membezakan makna perkataan.

ALOFON, DISTRIBUSI BUNYI SERTA BEBAN TUGAS BK VS

Lutfi Abas (1985) menyatakan alofon adalah bunyi yang merupakan anggota daripada suatu fonem. Distribusi bunyi atau fonem adalah tempat hadirnya fonem dalam suku kata sama ada di awal, tengah, atau akhir suku kata (Asmah & Roseline Sandai 2012). Tahap lingkungan distribusi bunyi akan menentukan beban tugas bagi sesuatu fonem, sama ada penuh atau tidak penuh.

Kesemua fonem vokal dalam bahasa ini mempunyai dua alofon, iaitu (i) bunyi vokal yang tidak dinasalkan; dan (ii) bunyi vokal yang dinasalkan. Alofon-alofon kepada fonem /i/, ialah [i] dan [ĩ]; alofon fonem /a/, ialah [a] dan [ã]; dan alofon fonem /u/, ialah [u] dan [ũ]. Varian [ĩ], [ã] dan [ũ] merupakan bunyi vokal yang mengalami nasalisasi apabila hadir mengikuti konsonan nasal.

Fonem vokal [i]

Fonem [i] mempunyai beban tugas yang penuh kerana hadir pada semua lingkungan kata dan mempunyai dua alofon. Contoh kehadiran alofon [ĩ] ialah [nĩpis] = nipis, [mĩnit] = minit, dan [aŋĩn] = angin. Jadual 1 berikut menunjukkan distribusi fonem vokal [i].

JADUAL 1. Distribusi fonem vokal [i]

Distribusi	Transkripsi Fonetik	Transkripsi Fonemik	Grafem	Makna
Awal kata	[itikˀ]	/itik/	<itik>	itik
	[isok]	/isok/	<isok>	esok
Antara konsonan	[sambilan]	/sambilan/	<sambilan>	sembilan
	[kambiwan]	/kambiwan/	<kambiwan>	cemburu
Akhir kata	[lihi:]	/lihi/	<lihi>	leher
	[dʒaĩ - dʒaĩ]	/dʒai - dʒai/	<jai-jai>	jari

Fonem Vokal [a]

Fonem /a/ mempunyai beban tugas yang penuh dan mempunyai dua alofon. Contoh kehadiran alofon

[ã], ialah [limãw] = limau, [anãk] = anak, dan [mãsam] = masam. Jadual 2 berikut menunjukkan distribusi fonem vokal [a].

JADUAL 2. Distribusi fonem vokal [a]

Distribusi	Transkripsi Fonetik	Transkripsi Fonemik	Grafem	Makna
Awal kata	[ʔaĩk]	/aik/	<aik>	air
	[ambut]	/ambut/	<ambut>	rambut
Antara konsonan	[binãntu]	/binantu/	<binantu>	menantu
	[binãtaŋ]	/binatang/	<binatang>	binatang
Akhir kata	[daŋã]	/daŋa/	<danga>	dengar
	[taĩmã kasih]	/taima kasih/	<taima kasih>	terima kasih

Fonem Vokal [u]

Berdasarkan jadual 3, bunyi vokal /u/ mempunyai dua alofon dan hadir pada semua lingkungan kata. Oleh itu, fonem [u] mempunyai beban tugas yang

penuh. Contoh alofon [ũ] ialah, [mũwit] = murid, [kumũl] = selimut, dan [gunũŋ] = gunung. Jadual 3 berikut menunjukkan distribusi fonem vokal /u/.

JADUAL 3. Distribusi fonem vokal [u]

Distribusi	Transkripsi Fonetik	Transkripsi Fonemik	Grafem	Makna
Awal kata	[ula]	/ula/	<ula>	Ular
	[u ^w at]	/uat/	<uat>	urat
Antara konsonan	[buŋu ^l an]	/buŋulan/	<bungulan>	jambul ayam
	[badukaŋ]	/badukan/	<badukan>	badukang (bedukang)- sejenis ikan berduri
Akhir kata	[tal ^w u]	/tal ^w u/	<tal ^w u>	Telur
	[dʒubu]	/dʒubu/	<jubu>	punggung

Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga bunyi vokal dalam bahasa Kedayan yang terdiri daripada dua vokal depan, iaitu /i/ dan /a/, dan satu vokal belakang, /u/. Dapatan kajian pengkaji ini sama seperti dapatan kajian yang dibuat Nothofer (2006 dalam Kamus Kedayan-Melayu, Melayu Kedayan) dan Adrian Clynes (2001). Namun, kajian Asmah (2008) mendapati terdapat enam bunyi vokal dalam bahasa Kedayan, iaitu /i, e, ə, a, u, o/. Dapatan yang dibuat oleh pengkaji dan dapatan kajian Asmah mungkin berbeza disebabkan oleh kedudukan geografi. Hal ini demikian kerana, Asmah menjalankan kajiannya di Sipitang, Sabah, manakala pengkaji menjalankan kajian di daerah kecil Sibuti, Miri di Sarawak. Namun demikian kajian Nothofer (2006) dan Adrian Clynes (2001) dijalankan di Brunei Darussalam.

Walaupun jumlah fonem vokal dan alofon dalam kajian pengkaji dan Nothofer (2006) adalah sama, namun mempunyai alofon yang berbeza. Hasil kajian beliau mendapati alofon dalam bahasa Kedayan ialah, [i, i:, e:, u, u:, o:, ʌ, a, a:] manakala pengkaji [i, i:, u, ũ, a, ã]. Hal ini disebabkan pengaruh daripada bahasa Melayu Brunei itu sendiri. Adrian

Clynes (2001) menyatakan terdapat beberapa variasi bahasa Melayu yang dituturkan sebagai bahasa pertama di Brunei dan dirujuk sebagai variasi dalam bahasa Melayu Brunei antaranya ialah bahasa Melayu Brunei atau *cakap barunay*, Kampong Ayer atau *cakap/kurapak balandih*, Kadayan atau *cakap Kadayan*, dan bahasa Melayu Standard Brunei. Menurut Adeelar (dalam Adrian Clynes 2001), dialek Melayu Brunei dan Kampong Ayer mempunyai tiga fonem vokal iaitu /a, i, u/ dengan penghilangan proto-Malayik, /ə/. Oleh itu, vokal bahasa Kedayan di Brunei dipengaruhi oleh bahasa dan dialek yang terdapat di Brunei.

DIFTONG BK VS

Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat dua jenis diftong dalam BK VS, iaitu **aw** = [aw], dan **aj** = [aj]. Diftong dalam BK VS hadir pada akhir suku kata terbuka. Diftong /aw/ dan /aj/ merupakan diftong menurun, iaitu bunyi vokal diikuti dengan geluncuran. Jadual 4 menunjukkan diftong yang terdapat dalam BK VS.

JADUAL 4. Diftong bahasa Kedayan varian Sibuti

Diftong	Transkripsi Fonetik	Transkripsi Fonemik	Grafem	Makna
/aw/	[babaw]	/babaw/	<babau>	bisu
	[ka:baw]	/kabaw/	<kabau>	kerbau
	[danāw]	/danaw/	<danau>	danau
/aj/	[adʒaj]	/adʒaj/	<ajai>	dagu
	[lantaj]	/lantaj/	<lantai>	lantai
	[wasaj]	/wasaj/	<wasai>	air terjun

Hasil kajian pengkaji ini tidak sama seperti kajian yang dilakukan oleh Asmah (2008) dan Nothofer (2006). Mereka mendapati terdapat tiga diftong dalam bahasa Kedayan, iaitu aw, ay dan oy. Namun,

diftong /oj/ yang ditemukan oleh mereka tidak terdapat dalam data kajian pengkaji. Seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji, hal ini disebabkan oleh perbezaan jumlah fonem yang ditemukan

oleh Asmah (2008) dan pengkaji di mana beliau menemui enam fonem vokal manakala pengkaji menemui tiga fonem vokal sahaja. Manakala perbezaan antara dapatan kajian pengkaji dan Nothofer (2006) berlainan disebabkan perbezaan alofon yang ditemukan oleh kami dalam kajian masing-masing. Oleh itu, diftong /oj/ tidak wujud dalam data dan analisis pengkaji.

RANGKAP VOKAL

Rangkap vokal kerap hadir dalam bahasa Kedayan berbanding dialek-dialek lain kerana konsonan **r** dalam bahasa Kedayan digugurkan dalam kata, khususnya di tengah kata, iaitu antara dua vokal yang

berbeza. Contohnya [u^wat] = urat; [bi^u] = biru; dan [ku^wa-ku^wa] = kura-kura.

Berdasarkan data kajian, terdapat enam rangkap vokal dalam BK VS. Rangkap vokal ini terdiri daripada dua vokal sahaja iaitu, /ia, iu, ai, au, ui, ua/. Jadual 5 menunjukkan contoh rangkap vokal yang terdapat dalam BK VS.

Berdasarkan jadual 5, rangkap vokal /ia/ dan /ui/ hadir pada tengah kata dan akhir kata sahaja. Rangkap vokal /ai/ hadir pada awal kata dan akhir kata, manakala rangkap vokal /au/ dan /ui/ hadir tengah kata. Rangkap vokal /ua/ pula hadir pada awal, tengah dan akhir kata dalam BK VS. Dapatan kajian pengkaji ini sama seperti dapatan kajian Asmah (2008) di mana beliau juga mendapati terdapat enam rangkap vokal dalam bahasa Kedayan.

JADUAL 5. Rangkap vokal bahasa Kedayan varian Sibuti

Rangkap Vokal	Transkripsi Fonetik	Transkripsi Fonemik	Grafem	Makna
/ia/	[gi ^ʔ am]	/giam/	<giam>	jeram
	[pi ^ʔ asaw]	/piasaw/	<piasau>	kelapa
	[si ^ʔ a]	/sia/	<sia>	udang laut kecil
	[basi ^ʔ a]	/basia/	<basia>	mereka
/iu/	[ʃi ^ʔ ium]	/ʃium/	<cium>	cium
	[mānʃi ^ʔ ium]	/manʃium/	<mancium>	hidu
	[si ^ʔ ul]	/siul/	<siul>	siul
	[bi ^ʔ u]	/biu/	<biu>	biru
/ai/	[ʔa ^ʔ iʔ]	/aiʔ/	<aik>	hari
	[taŋəh ʔa ^ʔ iʔ]	/taŋəh aiʔ/	<tengah aik>	tengah hari
	[sa ^ʔ ibu]	/saibu/	<saibu>	seribu
	[la ^ʔ ik-la ^ʔ ik]	/laik-laik/	<laik-laik>	labi-labi
/au/	[da ^w un]	/daun/	<daun>	daun
	[pa ^w ut]	/paut/	<paut>	perut
	[ga ^w uk]	/gauk/	<gauk>	nakal
	[kataʔ ba ^w un]	/kataʔ baun/	<katak baun>	kodok
/ui/	[bu ^w is]	/buis/	<buis>	ikan buris
	[mū ^w it]	/muit/	<muit>	murid
	[ku ^w iniʔ]	/kuiniʔ/	<kuinik>	kuini
	[gu ^w iŋ]	/guinŋ/	<guing>	goreng
/ua/	[u ^w at]	/uat/	<uat>	urat
	[tabu ^w an]	/tabuan/	<tabuan>	tebuan
	[bu ^w ah]	/buah/	<buah>	buah
	[salu ^w a]	/salua/	<salua>	seluar

Berdasarkan analisis kajian, pengkaji juga mendapati fonem, /i, a, u/ mengalami penyisipan bunyi hentian glotis dalam kata. Penyisipan bunyi [ʔ] dalam fonem /i, a, u/ terhasil apabila bunyi yang hadir sebelum fonem berkenaan merupakan bunyi vokal. Penyisipan hentian glottis dalam fonem /i/

hadir pada tengah kata. Contohnya, [māha^ʔik] = jerit; [ki^ʔiʔ] = kiri; dan [ka^ʔiŋ] = kering. Penyisipan hentian glottis dalam fonem /a/ pula berlaku pada awal dan tengah kata. Contohnya ialah, [ʔa^ʔik] = air; [da^ʔah] = darah; dan [ba^ʔaʔ] = bara. Penyisipan bunyi [ʔ] dalam fonem /u/ hadir pada tengah kata.

Misalnya, [lu²us] = kurus; [gu²u²] = guru; dan [ku²us] = lurus.

Berdasarkan analisis kajian yang dilakukan, terdapat unsur kepanjangan dalam BK VS. Hal ini demikian kerana berlakunya pengguguran fonem /r/ dalam bahasa tersebut. Oleh itu, ketiga-tiga fonem BK VS mengalami penambahan unsur kepanjangan apabila terdapat fonem /r/ dalam perkataan tersebut. Kepanjangan bunyi dalam BK VS bukanlah berstatus fonem kerana ia sama sekali tidak membezakan makna, namun terjadi kerana berlakunya pengguguran fonem /r/. Namun demikian Awang Muhammad Jambol (1995) dan Normala Othman (2016) menyatakan kepanjangan vokal ini sebagai fonem tersendiri.

Contoh fonem /i/ yang mengalami kepanjangan bunyi, ialah [sai:bu] = seribu; dan [bibi:] = bibir. Contoh fonem /a/ yang mengalami kepanjangan bunyi, ialah [ʃa:mīn] = cermin; dan [kasa:] = kasar. Contoh fonem /u/ yang mengalami unsur kepanjangan, ialah [guu:k] = guruh; dan [kubu:] = kubur. Perbezaan antara bahasa Melayu dan BK VS yang utama adalah tiadanya fonem /r/ dalam BK VS. Perkataan-perkataan yang mempunyai fonem /r/ dalam bahasa Melayu akan mengalami pemanjangan vokal atau bertukar menjadi rangkap vokal dalam BK VS. Ini bukanlah bermaksud BK VS meminjam perkataan daripada bahasa Melayu tetapi kedua-dua bahasa tersebut mempunyai persamaan bahasa yang sangat tinggi atau serumpun iaitu sebanyak 80%.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji mendapati terdapat tiga fonem vokal, iaitu /i, a, u/; enam alofon, [i, ī, a, ā, u, ū]; dua diftong, /aw, aj/; dan enam rangkap vokal, /ia, iu, ai, au, ui, ua/ dalam BK VS. Perbezaan hasil kajian pengkaji dengan pengkaji yang lain disebabkan oleh faktor geografi dan pengaruh daripada bahasa lain. Penyisipan bunyi hentian glotis dalam BK VS terjadi apabila bunyi yang hadir sebelum fonem vokal adalah bunyi vokal. Selain itu, pengguguran fonem /r/ dalam BK VS menyebabkan berlakunya rangkap vokal dan kepanjangan vokal dalam BK VS.

RUJUKAN

Amde Sidik. 2008. *The Mystic of Borneo: Kadayan*. Kuala Lumpur: Borneo Publisher.

- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar & Roseline Sandai. 2012. *Fonologi Bahasa Iban*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Muhammad Jambol. 1995. *Fonologi: Bahasa Kedayan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benedict Sandin. 1980. *The Living Legends: Borneans Telling Their Tales*. Sarawak: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Tahunan Perangkaan Sarawak. 2008. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2000)*. Sarawak: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Bibi Aminah Abdul Ghani, Nazaruddin Haji Hamit, Mawi Taip, & Nong Nurnie Mohd Nistah. 2011. *Makan Tahun: The Kedayan's Annual Feast*. Kuching: Pustaka Negeri Sarawak.
- Brunei. 2016. In Ethnologue: language of the world. Retrieved from <https://www.ethnologue.com/language/kxd> (Tarikh Akses: 15 Februari 2019)
- Clynes, A. 2001. Brunei Malay: An overview. Occasional Papers in Language Studies. Department of English Language and Applied Linguistics, University of Brunei Darussalam.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. 2006. *Kamus Kedayan-Melayu, Melayu Kedayan* (Cet. 1). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Harrison, T. 1972. The Advent of Islam to West and North Borneo. *Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society* 45(1): 11-19.
- <https://goo.gl/images/MbtwvU> (Tarikh akses: 30 Januari 2019)
- Jones, D. 1956. *Outline of English Phonetics*. Cambridge: W. Heffer & Sons Ltd.
- Lutfi Abas. 1985. *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normala Othman. 2016. Sejarah dan Latar Belakang Masyarakat Kedayan. *Al-Hikmah* 8(2) 2: 3-18.

Nabilah Syazwani Norasman
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak
Jalan Datuk Mohammad Musa
94300, Kota Samarahan, Sarawak.
E-mel: nabilahnsn@gmail.com

Remmy Gedat
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak
Jalan Datuk Mohammad Musa
94300, Kota Samarahan, Sarawak.
E-mel: gremmy@unimas.my

Diserahkan: 24 Jun 2019
Diterima: 22 Oktober 2019

